

ENG HAN PROPERTY GROUP

PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

Eng Han Property Group, including but not limited to the following companies:

- Eng Han Property Sdn Bhd (632532-H)
- Realiti Padu Sdn Bhd (604896-K)
- Gold Mart Development Sdn Bhd (333923-U)
- Wirama Development Sdn Bhd (740514-V)
- Castle Gardens Sdn Bhd (935999-P)
- Cahaya Hartamas Sdn Bhd (653833-M)
- North Borneo Land Avenue Sdn Bhd (668748-A)
- Delta Triangle Sdn Bhd (666961-W)

(hereinafter collectively referred to as “EH”, “our”, “us” or “we”)

places great priority in keeping your personal data and privacy entrusted to us secure. Pursuant to the Personal Data Protection Act 2010 (hereinafter referred to as “the Act”), EH is issuing this Personal Data Protection Notice (hereinafter referred to as “the Notice”) to all our valued customers and/or prospective customers to outline your rights with regards to your personal data that has been and/or will be collected and processed by us in accordance with the Act.

For the purposes of this Notice, the term “personal data” and “processing” shall have the same meanings as set out under the Act.

In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail. We reserve the right to modify, amend and update this Notice from time to time without prior notice, hence we advise you to check this Notice on our websites www.ehproperty.com.my and www.nblandgroup.com (hereinafter referred to as “the Website”) on a regular basis. By continuing to communicate with us or by continuing to use our services and Website, such action shall indicate your acceptance to the modifications, amendments and updates to the Notice.

1. DESCRIPTION OF PERSONAL DATA

Through your transactions with and in the course of your dealings with us, your personal data may come into our possession, including but not limited to the following:-

- (i) name, age, gender, date of birth, NRIC/passport number, race, ethnic origin, nationality, photographs;
- (ii) marital status, details of spouse and children, education background, occupation and employer details, former employer(s);
- (iii) in the case of a company, the company name, registration number, business address, registered address;
- (iv) contact information including home and mailing address, house phone number, mobile phone number, office phone number, fax number, email address, social media addresses;
- (v) financial information including salary, income tax particulars, bank account details, credit card details, loan details as well as introducer’s name, address, contact number and NRIC number;
- (vi) Any other personal data given by you, collected and provided to us for any purposes stated in Clause 3 below.

2. SOURCE OF PERSONAL DATA

Your personal data has and/or may be obtained from the following sources, where applicable or such other sources which we may see fit from time to time, including but not limited to:-

- (i) Agreements and contracts signed and executed between you and us;
- (ii) Any forms submitted by you via our website or any websites contracted to us;
- (iii) Any forms (whether electronic or printed) submitted by you during any promotional or marketing events of our products and/or services;
- (iv) Any written or verbal communications between from you and us, requesting information or making enquiries;
- (v) Our social media platforms and/or apps such as Facebook, Twitter, YouTube, Instagram etc. if you add, follow, like or are a fan of our pages;
- (vi) Third party service providers, business partners, affiliates, legal representatives, agents, consultants, auditors, bankers, event companies, employers, government, statutory bodies and authorities;
- (vii) Business cards and any identity materials that you have distributed voluntarily to us, our agents, brokers and/or associates;
- (viii) Other legal means or searches with relevant governing authorities, credit reporting agencies, and other related agencies;
- (ix) Publicly available sources such as directories;
- (x) Any other documents which are submitted to us for any of the purposes stated in Clause 3 below.

3. PURPOSE OF PROCESSING PERSONAL DATA

Your personal data may be processed for the following purposes, including but not limited to:-

- (i) Keep you informed on the updates of our present and upcoming property developments, events, contests, promotions and/or other services which may be of interest to you from time to time through invitations, newsletters, emails, SMS, phone calls, faxes, brochures, leaflets, letters, flyers, notices, social medias and/or any other appropriate channels, whether electronic or printed;
- (ii) Respond to your enquiries, applications, feedbacks and/or complaints on our products and/or services;
- (iii) Facilitate your participation in any contests, events, offers, promotions, memberships and/or customer loyalty programs;
- (iv) Conduct market researches or surveys, client-profiling activities, trend, demographic and statistical analysis to enhance our products and/or services;
- (v) Audit, compliance, risk management, financial and insurance purposes;
- (vi) Carry out internal operation requirements, including but not limited to management, administrative and quality assurance purposes;
- (vii) Maintenance and upkeep of your records and data;
- (viii) Facilitate the preparation of necessary documentations in relation to your commercial transaction with us, including but not limited to preparation of the sale and purchase agreements and other relevant agreements or contracts;
- (ix) Provide assistance on your legal and/or financial application in relation to the commercial transaction, where necessary;
- (x) Verify your financial standing through credit reference, reporting checks, and other background investigation as and when deemed necessary;
- (xi) Delivery of progressive billings and other notices, forms and documents in connection with the commercial transaction;
- (xii) Process your payment transaction and collect any outstanding payments;
- (xiii) Provide vacant possession services, including but not limited to keys-handover, property management, customer care and defect rectification works;
- (xiv) Prevention of crime, including but not limited to fraud, money-laundering and/or bribery;
- (xv) Any other legal or regulatory requirements by any applicable laws, regulations, directions, court-orders, by-laws, guidelines, circular or code applicable to us.

(hereinafter collectively referred to as “the Purposes”). You agree and consent to us collecting and processing your personal data in the manner identified in this Notice. If you do not consent to one or more of the Purposes, please notify us at the contact details listed in Clause 8 below.

4. CONSEQUENCES OF NON-PROVISION OF PERSONAL DATA

All information requested for is obligatory unless stated otherwise. In the event that obligatory information is not supplied, your application or request to us for any of the Purposes as set out in Clause 3 may not be accepted, processed or acted upon, or we will not be able to provide the full range of benefits, services and/or perform our obligations under any existing or potential agreements or contracts with you.

5. DISCLOSURE OF PERSONAL DATA

Personal data provided to us will generally be kept confidential. However, we may engage other companies, service providers and professionals to perform functions and Purposes stated in Clause 3 on our behalf and consequently may disclose your personal data. You hereby consent and authorize us to provide and disclose your personal data to the following categories of parties (not exhaustive):-

- (i) Any related companies, affiliated and subsidiaries, including those incorporated in the future;
- (ii) Our business partners and online affiliates that provide related products and/or services in connection with our businesses;
- (iii) Our professional and financial advisers, including but not limited to external auditors, consultants, accountants, lawyers, bankers, real estate agents, company secretary and insurance providers;
- (iv) Information technology (IT) service providers whom we engage to process personal data, including but not limited to archival storage, data entry service providers, computer backup and recovery service providers;
- (v) Third-party service providers, property management companies, contractors, sub-contractors or other parties as may be deemed necessary;
- (vi) Government agencies, statutory authorities, local councils and/or industry regulators;
- (vii) Any parties authorized by you;
- (viii) Any other persons under a duty of confidentiality to us;
- (ix) Any person to whom we are compelled or required to do so under law or in response to a competent or government agency.

(hereinafter collectively referred to as "Third Parties"). Third Parties are legally tasked with processing your personal data in line with principals specified by us. When using your personal data for the Purposes specified in Clause 3, we shall ensure that such Third Parties shall provide the similar level of security.

6. SAFEGUARDS

We shall keep and process your personal data in a secure manner. At no time will any personal data be commercially acquired and/or disposed by us through trading of illegal databases. We shall at all times implement the necessary procedures and precautions, both in administrative and technical aspects, to prevent the unauthorized or unlawful access, usage, processing, alteration, loss, destruction of or damage to your personal data.

7. STORAGE AND RETENTION OF PERSONAL DATA

Your personal data will be retained and stored for as long as necessary to fulfill the Purposes stated in Clause 3 above, after which we will take reasonable steps to ensure all personal data is ceased processing, unless its retention is required to satisfy legal, tax, regulatory and other industry requirements or guidelines and to protect our interest.

In the course of our business, we may require or need to transfer, use, process and/or store your personal data in a jurisdiction out of Malaysia. Rest assured that such personal data transferred shall only be used for the Purposes specified in Clause 3 and be disclosed to Third Parties stipulated in Clause 5. You understand and consent to the transfer and retention of your personal data as described herein.

8. ACCESS TO, CORRECTION, AND LIMIT PROCESSING OF PERSONAL DATA

Subject to limitations imposed under the Act, you have every right to:-

- (i) Request access to your personal data;
- (ii) Request for correction of your personal data if it is inaccurate, incomplete, misleading or not up-to-date;
- (iii) Request to limit processing of your personal data, either withdrawing in full or part, of your consent given previously, subject to applicable legal restrictions, contractual conditions and within reasonable time period.

At any time if you intend to exercise your rights above, or to make any enquiries and/or complaints with respect to your personal data, you may submit a written notification to us at the following:-

Department : Sales & Marketing

Address : ENG HAN PROPERTY GROUP
No. 31, Jalan SS4C/5,
Taman Rasa Sayang,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Tel : +(603) 7804 6682

Fax : +(603) 7804 6681

Email : pdpa@ehproperty.com.my

Operation hours : Monday – Friday, 8.30am – 6.00pm

We reserve the rights to impose a nominal fee for each personal data request stated above to cover the cost of access. Notwithstanding we may decline to process requests that are repetitive, impractical, require disproportionate technical effort, jeopardize the privacy of others or which access is otherwise not required by law.

Updated on: JUL 2016

KUMPULAN HARTANAH ENG HAN

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Kumpulan Hartanah Eng Han, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Eng Han Property Sdn Bhd (632532-H)
- Realiti Padu Sdn Bhd (604896-K)
- Gold Mart Development Sdn Bhd (333923-U)
- Wirama Development Sdn Bhd (740514-V)
- Castle Gardens Sdn Bhd (935999-P)
- Cahaya Hartamas Sdn Bhd (653833-M)
- North Borneo Land Avenue Sdn Bhd (668748-A)
- Delta Triangle Sdn Bhd (666961-W)

(secara kolektif dirujuk sebagai “EH”, “kami” atau “kita”)

memberi keutamaan dalam memastikan keselamatan data peribadi dan privasi anda. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai “Akta ini”), EH dengan ini mengeluarkan Notis Perlindungan Data Peribadi (selepas ini dirujuk sebagai “Notis ini”) kepada semua pelanggan sedia ada dan/atau bakal pelanggan untuk menggariskan hak anda berkenaan dengan data peribadi yang telah dan/atau akan kami kumpul dan proses mengikut Akta ini.

Bagi tujuan Notis ini, istilah “data peribadi” dan “pemprosesan” mempunyai erti yang sama seperti yang telah ditakrifkan di dalam Akta ini.

Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai. Kami berhak untuk mengubahsuai, meminda dan mengemaskini Notis ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu, maka kami menasihatkan anda supaya sentiasa menyemak Notis ini di laman sesawang kami www.ehproperty.com.my dan www.nblandgroup.com (selepas ini dirujuk sebagai “Laman Sesawang”) dari semasa ke semasa. Dengan komunikasi atau penggunaan perkhidmatan dan Laman Sesawang kami secara berterusan, anda telah mengizinkan sebarang pengubahsuaian, pindaan dan pengemaskinian yang dilakukan di dalam Notis ini.

1. PENERANGAN DATA PERIBADI

Melalui transaksi dan sebarang urusan anda dengan kami, data peribadi anda mungkin kami peroleh, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

- (i) Nama, umur, jantina, tarikh lahir, nombor kad pengenalan / passport, bangsa, asal-usul etnik, kewarganegaraan, gambar photo;
- (ii) Status perkahwinan, butiran pasangan dan anak-anak, latar belakang pendidikan, pekerjaan, butiran majikan, bekas majikan;
- (iii) Jika anda mewakili sesebuah syarikat, nama syarikat, nombor pendaftaran, alamat perniagaan, alamat berdaftar;
- (iv) Maklumat perhubungan, termasuk alamat rumah dan alamat surat-menyurat, nombor telefon rumah, nombor telefon bimbit, nombor telefon pejabat, nombor faks, alamat emel, alamat media sosial;
- (v) Butiran kewangan termasuk pendapatan, butiran cukai pendapatan, butiran akaun bank, butiran kad kredit, butiran pinjaman yang dipohon serta nama, alamat, maklumat perhubungan dan nombor kad pengenalan pengenal;
- (vi) Mana-mana maklumat yang anda berikan, yang dikumpul dan dibekalkan kepada kami untuk Tujuan yang dinyatakan di dalam Fasal 3 di bawah.

2. SUMBER DATA PERIBADI

Data peribadi anda telah dan/atau akan diperoleh daripada sumber-sumber berikut, atau daripada sumber-sumber yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- (i) Dokumen perjanjian dan kontrak yang telah ditandatangani dan dilaksanakan antara anda dengan kami;
- (ii) Mana-mana borang yang anda serahkan melalui Laman Sesawang kami atau laman sesawang yang telah diikat kontrak dengan kami;
- (iii) Mana-mana borang (sama ada elektronik atau bercetak) yang anda serahkan semasa promosi atau aktiviti pemasaran produk dan/atau perkhidmatan kami;
- (iv) Mana-mana komunikasi bertulis atau lisan antara anda dengan kami semasa meminta maklumat atau membuat pertanyaan;
- (v) Mana-mana platform media sosial dan/atau aplikasi seperti Facebook, Twitter, YouTube, Instagram dan sebagainya jika anda menambah, mengikut, menyukai atau merupakan seorang peminat halaman kami;
- (vi) Pembekal perkhidmatan pihak ketiga, rakan kongsi perniagaan, sekutu, wakil guaman, ejen, perunding, juruaudit, bank, syarikat pengendali acara, majikan, kerajaan, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa;
- (vii) Kad nama atau sebarang dokumen identiti yang diagihkan secara sukarela kepada kami serta ejen, broker dan/atau sekutu kami.
- (viii) Cara-cara sah yang lain atau carian daripada pihak berkuasa yang berkenaan, agensi pelapor kredit dan agensi lain yang berkaitan;
- (ix) Sumber-sumber umum seperti direktori;
- (x) Sebarang dokumen lain yang anda serahkan kepada kami untuk Tujuan yang dinyatakan di dalam Fasal 3 di bawah.

3. TUJUAN PEMROSESAN DATA PERIBADI

Data peribadi anda mungkin akan diproses untuk tujuan-tujuan berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- (i) Memastikan anda dimaklumkan dengan berita terkini tentang pembangunan hartanah kami pada masa kini dan akan datang, acara, pertandingan, promosi dan/atau perkhidmatan yang mungkin anda minati dari semasa ke semasa melalui kad jemputan, surat berita, emel, sms, telefon, faks, risalah, surat, notis, media sosial dan/atau sebarang saluran yang bersesuaian, sama ada elektronik atau bercetak;
- (ii) Menjawab pertanyaan, aplikasi, maklumbalas dan/atau aduan tentang produk dan/atau perkhidmatan kami;
- (iii) Memudahkan penyertaan anda dalam pertandingan, acara, tawaran, promosi, keahlian dan/atau program kesetiaan pelanggan;
- (iv) Menjalankan kajian atau tinjauan pasaran, aktiviti profil pelanggan, tren, demografi dan analisis statistik untuk meningkatkan kualiti produk dan/atau perkhidmatan kami;
- (v) Tujuan audit, pematuhan, pengurusan risiko, kewangan dan insurans;
- (vi) Menjalankan keperluan operasi dalaman, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengurusan, pentadbiran dan jaminan kualiti;
- (vii) Penyelenggaraan dan pengendalian rekod dan data anda;
- (viii) Memudahkan penyediaan dokumentasi berkaitan dengan transaksi komersial antara anda dengan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan perjanjian jual-beli, dan perjanjian atau kontrak lain yang berkenaan;
- (ix) Memberi bantuan kepada anda dalam permohonan bantuan guaman dan/atau kewangan, sekiranya perlu;
- (x) Mengesahkan status kewangan anda melalui rujukan kredit, pemeriksaan laporan dan pemeriksaan latar belakang, sekiranya diperlukan;
- (xi) Penghantaran notis tuntutan berperingkat serta notis, borang dan dokumen lain yang berkaitan dengan transaksi komersial anda;
- (xii) Memproses bayaran untuk transaksi anda dan mengutip sebarang bayaran tertunggak daripada anda;
- (xiii) Memberikan perkhidmatan untuk milikan kosong, termasuk tetapi tidak terhad kepada serahan kunci, pengurusan hartanah, jagaan pelanggan dan kerja-kerja pembaikan;

- (xiv) Pencegahan jenayah, termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram dan rasuah;
- (xv) Mana-mana keperluan undang-undang atau kawal selia yang dikehendaki oleh undang-undang berkaitan, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, surat pekeliling dan kod yang terpakai terhadap kami.

(secara kolektif dirujuk sebagai "Tujuan"). Anda bersetuju dan memberi kebenaran kepada kami untuk mengumpul dan memproses data peribadi anda seperti yang dinyatakan di dalam Notis ini. Sekiranya anda tidak mengizinkan mana-mana Tujuan di atas, sila hubungi kami mengikut butiran di dalam Fasal 8 di bawah.

4. AKIBAT KEGAGALAN MEMBEKALKAN DATA PERIBADI

Semua data yang diminta adalah wajib kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Sekiranya data wajib tidak dibekalkan, aplikasi atau permintaan yang dibuat kepada kami untuk Tujuan yang telah dinyatakan di dalam Fasal 3 mungkin tidak akan diterima, diproses atau diambil tindakan, atau kami tidak akan dapat memberi faedah dan perkhidmatan sepenuhnya dan/atau menjalankan kewajipan kami mengikut perjanjian atau kontrak sedia ada atau akan datang.

5. PENDEDAHAN DATA PERIBADI

Data peribadi yang dibekalkan kepada kami secara amnya akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, kami mungkin mengambil syarikat-syarikat lain, pembekal perkhidmatan, atau ahli-ahli profesional untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan Tujuan yang dinyatakan di dalam Fasal 3 bagi pihak kami dan ini mungkin akan mendedahkan data peribadi anda. Dengan ini, anda bersetuju dan mengizinkan kami mendedahkan data peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga seperti yang disenaraikan di bawah (tidak menyeluruh):-

- (i) Syarikat yang berkaitan, bersekutu dan anak-anak syarikat, termasuk yang akan ditubuhkan pada masa akan datang;
- (ii) Rakan kongsi perniagaan dan sekutu dalam talian yang membekalkan produk dan/atau perkhidmatan yang berkaitan dengan perniagaan kami;
- (iii) Penasihat profesional dan kewangan kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada juruaudit luar, perunding, akauntan, peguam, bank, ejen hartanah, setiausaha syarikat dan pembekal insurans;
- (iv) Pembekal perkhidmatan teknologi maklumat (IT) yang mungkin kami lantik untuk membantu dalam pemprosesan data peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal perkhidmatan storan arkib, kemasukan data, sokongan dan pemulihan komputer;
- (v) Pembekal perkhidmatan pihak ketiga, syarikat pengurusan hartanah, kontraktor, sub-kontraktor atau pihak lain yang difikirkan perlu;
- (vi) Agensi kerajaan, agensi kawal selia, majlis tempatan dan/atau pengawal selia industri;
- (vii) Pihak yang telah diberi kuasa atau mendapat kebenaran daripada anda;
- (viii) Mana-mana orang di bawah tugas kerahsiaan kepada kami;
- (ix) Mana-mana orang yang dikehendaki atau diperlukan berbuat demikian di sisi undang-undang atau oleh pihak berkuasa yang berhubungkait atau agensi kerajaan.

(secara kolektif dirujuk sebagai "Pihak Ketiga"). Pihak Ketiga ditugaskan secara sah untuk memproses data peribadi mengikut prinsip yang telah kami gariskan. Dengan pemprosesan data peribadi untuk Tujuan di dalam Fasal 3, kami akan memastikan Pihak Ketiga turut membekalkan taraf keselamatan yang sama.

6. PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Kami akan menyimpan dan memproses data peribadi anda dengan cara yang selamat. Kami tidak akan membeli dan/atau menjual data peribadi anda melalui perdagangan pangkalan data yang tidak sah. Kami akan sentiasa melaksanakan prosedur yang perlu dan mengambil langkah berjaga-jaga, dalam aspek pentadbiran dan teknikal, untuk mencegah daripada pengaksesan tanpa kebenaran, penggunaan, pemprosesan, pengubahsuaian, kehilangan, pemusnahan dan kerosakan kepada data peribadi anda.

7. PENGEKALAN DATA PERIBADI

Data peribadi anda akan dikekalkan selama yang perlu untuk memenuhi Tujuan di dalam Fasal 3 di atas, selepas itu kami akan mengambil langkah yang sepatutnya untuk berhenti memproses data anda, melainkan pengekalan data peribadi anda diperlukan untuk tujuan undang-undang, cukai, kawal selia dan garis panduan industri serta untuk melindungi kepentingan kami.

Kami mungkin perlu memindah, mengguna, memproses dan/atau mengekalkan data peribadi anda ke lokasi-lokasi di luar Malaysia. Kami akan memastikan semua data peribadi yang dipindah hanya akan digunakan untuk Tujuan di dalam Fasal 3 dan didedahkan hanya untuk Pihak Ketiga di dalam Fasal 5. Anda dengan ini bersetuju dan mengizinkan pemindahan dan pengekalan data peribadi anda seperti yang dinyatakan di atas.

8. PENGAKSESAN, PEMBETULAN DAN HAD PEMROSESAN DATA PERIBADI

Tertakluk kepada had yang dikenakan di bawah Akta ini, anda mempunyai hak untuk:-

- (i) Memohon akses kepada data peribadi anda;
- (ii) Memohon pembetulan kepada data peribadi anda sekiranya tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskini;
- (iii) Memohon untuk menghadkan pemprosesan data peribadi anda, sama ada menarik balik kebenaran yang telah diberikan sebelum ini secara penuh atau separa, tertakluk kepada batasan undang-undang, syarat kontrak dan dalam tempoh masa yang wajar.

Pada bila-bila masa sekiranya anda ingin melaksanakan hak-hak anda di atas, atau ingin membuat sebarang pertanyaan dan/atau aduan berhubungkait dengan data peribadi anda, anda boleh menghantar notis bertulis kepada kami seperti di bawah:-

Bahagian : Jualan & Pemasaran

Alamat : KUMPULAN HARTANAH ENG HAN
No. 31, Jalan SS4C/5,
Taman Rasa Sayang,
47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Tel : +(603) 7804 6682

Faks : +(603) 7804 6681

Emel : pdpa@ehproperty.com.my

Waktu Operasi : Isnin – Jumaat, 8.30pagi – 6.00 petang

Kami berhak untuk mengenakan bayaran nominal kepada setiap permohonan yang dinyatakan di atas untuk bayaran kos akses. Untuk makluman, kami berhak untuk menolak permohonan yang berulang, tidak munasabah, memerlukan usaha teknikal yang berlebihan, menjejaskan privasi pengguna lain atau akses yang tidak diperlukan di sisi undang-undang.

Dikemaskini pada: JUL 2016